

## **D.R. 54/96**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

### **RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Luar Pesisir 1990.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

- 1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank Luar Pesisir Tajuk ringkas. (Pindaan) 1996.
- 2.** Akta Bank Luar Pesisir 1990, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2—  
Pindaan  
seksyen 2.  
Akta 443.

- (a) dengan menggantikan takrif "Bank" dengan takrif yang berikut:

' "Bank" ertiaya Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996;';

- (b) dalam takrif "bank luar pesisir" dengan memasukkan selepas perkataan "perniagaan bank

*Akta 545.*

"luar pesisir" perkataan "atau perniagaan bank pelaburan luar pesisir, mengikut mana-mana yang berkenaan";

- (c) dengan memasukkan selepas takrif "bank Malaysia" takrif yang berikut:

*Akta 519.* ' "Bank Negara Malaysia" ertinya Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958;';

- (d) dengan memasukkan selepas takrif "berkaitan" takrif yang berikut:

*Akta 280.* ' "berniaga sekuriti" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983;';

- (e) dengan memasukkan selepas takrif "dokumen konstituen" takrif yang berikut:

*Akta 545* ' "Gabenor" ertinya Pengerusi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan yang dilantik di bawah seksyen 5 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996;';

- (f) dengan menggantikan takrif "perniagaan bank luar pesisir" dengan takrif yang berikut:

' "perniagaan bank luar pesisir" ertinya—

- (a) perniagaan—

(i) menerima deposit untuk akaun semasa, akaun deposit, akaun simpanan, atau mana-mana akaun lain yang ditentukan oleh Bank; dan

(ii) memberikan kemudahan kredit;

- (b) perniagaan bank pelaburan luar pesisir;
  - (c) perniagaan bank Islam, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank;
  - (d) perniagaan kredit bangunan, perniagaan tanda kredit, perniagaan pembiayaan pembangunan, perniagaan pemajakan atau perniagaan pemfaktoran; atau
  - (e) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank dengan kelulusan Menteri,
- dalam apa-apa matawang selain daripada matawang Malaysia;';
- (g) dengan memasukkan selepas takrif "perbadanan" takrif yang berikut:

' "perniagaan bank Islam" mempunyai erti yang diberikan *Akta 276.* kepadanya dalam Akta Bank Islam 1983;';

- (h) dengan memasukkan selepas takrif "perniagaan bank luar pesisir" takrif yang berikut:

' "perniagaan bank pelaburan luar pesisir" erti perniagaan—

- (a) memberikan kemudahan kredit;
- (b) menyediakan khidmat perundingan dan nasihat yang berhubungan dengan perkara-perkara korporat dan pelaburan

*Rang Undang-Undang*

atau pembuatan dan pengurusan pelaburan bagi pihak mana-mana orang;

- (c) menjalankan transaksi pertukaran asing, swap kadar bunga, urusniaga suratcara terbitan atau suratcara kewangan terbitan atau apa-apa aktiviti pengurusan risiko serupa itu yang lain; atau
- (d) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank, dengan kelulusan Menteri,

dalam apa-apa matawang selain daripada matawang Malaysia;';

Akta 372. "perniagaan kredit bangunan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;

"perniagaan pemajakan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;

"perniagaan pembiayaan pembangunan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;

"perniagaan pemfaktoran" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;

"perniagaan tanda kredit" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;';

- (i) dengan memasukkan selepas takrif "peserta" takrif yang berikut:

' "pihak berkuasa kewangan negara asal" erti pihak berkuasa penyeliaan yang relevan bagi sesuatu negara atau tempat di luar Malaysia, yang menjalankan fungsi-fungsi yang bersamaan dengan fungsi-fungsi Bank Negara Malaysia terhadap operasi sesuatu bank luar pesisir berlesen;

*Akta 280.* "sekuriti" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983;

"suratcara terbitan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(7) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;

"suratcara terbitan kewangan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(7) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;';

3. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 4.

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "perniagaan bank luar pesisir" perkataan "atau perniagaan bank pelaburan luar pesisir"; dan
- (b) dalam perenggan (a) dengan memasukkan selepas perkataan "perniagaan bank luar pesisir" perkataan "atau perniagaan bank pelaburan luar pesisir, mengikut mana-mana yang berkenaan,".

4. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 5.

- (a) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "perniagaan bank luar pesisir" perkataan "atau perniagaan bank pelaburan luar pesisir";

- (b) dalam perenggan (2)(ee)—
- (i) dengan menggantikan perkataan "suatu jaminan yang didapati, dan" dengan perkataan "dalam hal permohonan oleh sesuatu syarikat luar pesisir, suatu jaminan yang didapatkan dan suatu akujanji yang diberikan, dan dalam hal permohonan oleh sesuatu syarikat luar pesisir asing,";
  - (ii) dalam subperenggan (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "Bank" perkataan "dan jika pemohon ialah suatu syarikat luar pesisir asing, bahawa ia hendaklah dengan segera memberitahu Bank apa-apa perubahan pesertanya yang memegang sepuluh peratus atau lebih modal berbayarnya"; dan
  - (c) dalam subperenggan (3)(dd)(ii) dengan menggantikan perkataan "suatu jaminan yang didapatkan, dan suatu akujanji yang diberikan," dengan perkataan "suatu akujanji yang diberikan".

Pindaan  
seksyen 17.

**5. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "empat"; dan
- (b) dengan memotong subseksyen (2).

Pindaan  
seksyen 18.

**6. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Tiap-tiap bank luar pesisir berlesen hendaklah, sekerap yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa, mengemukakan kepada Bank suatu penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti bank luar pesisir berlesen itu berhubungan dengan perniagaan bank luar pesisirnya di Wilayah Persekutuan Labuan.";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Penyata yang kena dikemukakan di bawah subseksyen (1) hendaklah mengandungi—

- (a) suatu pernyataan yang menyatakan jumlah amaun kemudahan kredit yang telah diberikan oleh bank luar pesisir berlesen itu kepada pelanggan-pelanggan bank luar pesisir berlesen itu sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank;
  - (b) suatu pernyataan yang menyatakan kelas, kategori atau perihal kemudahan kredit yang diberikan dan perniagaan atau industri yang dalamnya pelanggan-pelanggan bank luar pesisir berlesen itu terlibat;
  - (c) suatu pernyataan yang menunjukkan bahawa bank luar pesisir berlesen itu telah mematuhi kehendak-kehendak yang dikenakan ke atasnya oleh seksyen 11; dan
  - (d) apa-apa pernyataan, maklumat, dokumen, statistik atau penyata lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank."; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Walau apa pun subseksyen (2), Bank boleh, jika didapatinya suai-manfaat, mendedahkan maklumat yang diperolehi olehnya daripada sesuatu bank luar pesisir berlesen menurut peruntukan-peruntukan Akta ini kepada pihak berkuasa kewangan negara asal bank luar pesisir berlesen itu.".

Penggantian  
seksyen 23

**7.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 23 dengan seksyen yang berikut:

"Penentuan  
sahan  
penge-  
mukaan  
bank luar  
pesisir  
berlesen.

40. (1) Bank atau pihak berkuasa kewangan negara asal, jika diluluskan sedemikian oleh Bank boleh dari semasa ke semasa memeriksa dan meneliti, di bawah syarat kerahsiaan, buku atau dokumen, akaun dan transaksi lain mana-mana bank luar pesisir berlesen dan mana-mana pejabat di luar Malaysia sesuatu bank luar pesisir berlesen untuk maksud menentusahkan pengemukaan oleh bank luar pesisir berlesen itu di bawah seksyen 17 dan 18.

(2) Bank boleh dari semasa ke semasa meminta juruaudit dalaman atau juruaudit yang telah diluluskan bagi sesuatu bank luar pesisir supaya menentusahkan ketepatan pengemukaan oleh bank luar pesisir berlesen itu di bawah seksyen 17 dan 18.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh membenarkan Bank, atau pihak berkuasa kewangan negara asal, menyiasat secara khusus identiti, akaun atau hal-ehwal mana-mana pelanggan tertentu bank luar pesisir berlesen itu.".

Pindaan  
seksyen 25.

*Akta 545.*

**8.** Subseksyen 25(4) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan" dengan perkataan "Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996".

Pindaan  
seksyen 26.

**9.** Subseksyen 26(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Timbalan Gabenor, pengarah dan mana-mana" dengan perkataan "Ketua Pengarah, dan mana-mana anggota, pegawai dan".

**10.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Seksyen 32 seksyen yang berikut:

Seksyen  
baru 33, 34  
dan 35.

"Peniaga terkecuali. 33. (1) Peruntukan-peruntukan—

*Akta 280.*

- (a) subseksyen 12(1) Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang menghendaki seseorang yang menjalankan urusan bermiaga sekuriti atau mengemukakan dirinya sebagai bermiaga sekuriti supaya memegang suatu lesen peniaga di bawah Bahagian IV Akta Perindustrian Sekuriti 1983; dan
- (b) seksyen 13 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang menghendaki seseorang yang bertindak sebagai wakil peniaga supaya memegang suatu lesen wakil peniaga di bawah Bahagian IV Akta Perindustrian Sekuriti 1983,

tidaklah terpakai bagi sesuatu bank luar pesisir berlesen dan mana-mana orang yang bertindak sebagai wakil bagi sesuatu bank luar pesisir berlesen -yang menjalankan urusan bermiaga sekuriti atau mengemukakan dirinya sebagai bermiaga sekuriti.

(2) Bagi mengelakkan apa-apa keraguan, adalah dengan ini diisyiharkan bahawa sesuatu bank luar pesisir berlesen adalah peniaga terkecuali di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Akta  
Perindus-  
trian  
Sekuriti  
1983 tidak  
terpakai  
dalam  
keadaan  
tertentu.

34. Peruntukan-peruntukan Akta Perindustrian Sekuriti 1983 tidaklah terpakai bagi sesuatu transaksi yang melibatkan bank luar pesisir berlesen yang bermiaga sekuriti dengan atau memberikan nasihat tentang sekuriti kepada atau laporan tentang sekuriti bagi bukan pemastautin dan, dalam hal pemastautin, jika izin bertulis Bank Negara Malaysia telah diperolehi untuk

Audit  
dalaman  
dan  
juruaudit  
dalaman.

memperdapat pembiayaan atau untuk meminjam daripada sumber-sumber di luar Malaysia atau dari bank luar pesisir berlesen.

35. (1) Sesuatu bank luar pesisir berlesen hendaklah melaksanakan suatu audit dalaman ke atas buku dan operasinya sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

(2) Bagi maksud seksyen ini, audit dalaman sesuatu bank luar pesisir berlesen hendaklah dijalankan oleh pegawai diberikuasa—

(a) dalam hal suatu bank luar pesisir berlesen yang merupakan suatu syarikat luar pesisir, dari syarikat pemegangan bank luar pesisir berlesen itu atau dari mana-mana perbadanan yang mempunyai kaitan dengan bank luar pesisir berlesen itu; atau

(b) dalam hal suatu bank luar pesisir berlesen yang merupakan suatu syarikat luar pesisir asing, dari ibu pejabat bank luar pesisir berlesen itu atau dari mana-mana cawangan lain ibu pejabat bank luar pesisir berlesen itu.

(3) Bank boleh dari semasa ke semasa menentukan atau menyebarkan apa-apa garis panduan yang berdasarkannya audit dalaman sesuatu bank luar pesisir berlesen yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dijalankan.

(4) Seorang juruaudit dalaman yang dilantik oleh sesuatu bank luar pesisir berlesen untuk menjalankan audit dalaman ke atas buku dan operasi di bawah subseksyen (1) hendaklah bagi maksud Akta ini dianggap sebagai seorang pegawai bank luar pesisir berlesen itu dan hendaklah, pada setiap masa, tertakluk kepada seksyen 22.".

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Bank Luar Pesisir 1990 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan memasukkan beberapa takrif baru dan meminda beberapa takrif yang sedia ada. Takrif "Bank Negara Malaysia" adalah perlu kerana takrif "Bank" tidak lagi merujuk kepada Bank Negara tetapi kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan. Takrif seperti "berniaga sekuriti", "pihak berkuasa kewangan negara asal", "perniagaan pembiayaan pembangunan", "perniagaan bank Islam", "perniagaan bank luar pesisir", "perniagaan bank pelaburan luar pesisir", "perniagaan pemfaktoran", "perniagaan kredit bangunan", "perniagaan pemajakan", "perniagaan tanda kredit", "sekuriti", "suratcara terbitan" dan "suratcara terbitan kewangan" telah dimasukkan atau dipinda disebabkan oleh peruntukan-peruntukan baru yang dimasukkan untuk meliputi situasi-situasi yang menggunakan istilah-istilah itu.

3. Pada masa ini seksyen 4 Akta melarang seseorang menjalankan perniagaan bank luar pesisir (yang termasuk perniagaan bank pelaburan) tanpa lesen yang sab. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 4 untuk membolehkan lesen diberikan bagi orang-orang yang berhasrat untuk menjalankan perniagaan bank pelaburan luar pesisir sahaja.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 5 Akta untuk menjelaskan—

- (a) dalam perenggan (2)(ee) bahawa sesuatu permohonan untuk mendapat lesen bank luar pesisir oleh sesuatu syarikat luar pesisir asing hanya perlu disokong oleh suatu akujanji;
- (b) dalam subperenggan (2)(ee)(ii) bahawa sesuatu syarikat luar pesisir asing yang memohon lesen bank luar pesisir hanya perlu memberitahu Bank apa-apa perubahan dalam peratusan penyertaan peserta-pesertanya.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 17—

- (a) bagi menghendaki sesuatu bank luar pesisir berlesen menghantar empat salinan laporan kewangan tahunannya yang telah diaudit, dan bukannya dua seperti yang dikehendaki sekarang ini; dan
- (b) dengan memotong subseksyen (2) kerana pengemukaan laporan kewangan tahunan yang diluluskan oleh peserta sesuatu bank luar pesisir berlesen tidak lagi diperlukan oleh Bank.

6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 18—

- (a) dalam subseksyen (1), untuk mengadakan peruntukan bagi aliran maklumat yang lebih banyak, mengikut kekerapan yang ditetapkan oleh Bank, daripada bank luar pesisir berlesen kepada Bank; dan

- (b) dalam subseksyen (3), untuk membolehkan Bank mendedahkan apa-apa maklumat yang diperolehnya daripada bank luar pesisir berlesen kepada pihak berkuasa kewangan negara asal bank luar pesisir itu.
7. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 23 untuk membenarkan Bank menghendaki juruaudit dalaman atau juruaudit yang diluluskan bagi sesuatu bank luar pesisir berlesen yang merupakan suatu syarikat luar pesisir asing supaya menentusahkan pengemukaan yang telah dibuat oleh bank luar pesisir berlesen itu.
8. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 26 untuk memperluas ruang lingkup perlindungan tanggung rugi yang diperuntukkan dalam seksyen itu kepada Ketua Pengarah dan anggota Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan.
9. *Fasal 10* bertujuan memasukkan tiga seksyen baru, iaitu seksyen 33, 34 dan 35.
- Seksyen 33 memberikan status peniaga terkecuali kepada bank-bank luar pesisir berlesen dan memperuntukkan bahawa wakil sesuatu bank luar pesisir berlesen yang bermiaga sekuriti tidak perlu dilesenkan sebagai wakil peniaga.
- Seksyen 34 memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta Perindustrian Sekuriti 1983 tidaklah terpakai bagi transaksi yang dijalankan oleh bank-bank luar pesisir berlesen dalam keadaan tertentu.
- Akhir sekali, seksyen 35 mengadakan peruntukan bagi audit dalaman dan pelantikan juruaudit dalaman sesuatu bank luar pesisir berlesen.
10. Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut secara khusus dalam Huraian ini ialah pindaan yang berbangkit atau kecil sahaja.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN.(U<sup>2</sup>) 1969.]